



INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

www.ijeipc.com



FAKTOR MASALAH SOSIAL DALAM KALANGAN PELAJAR

FACTORS OF SOCIAL PROBLEMS AMONG STUDENTS

Nor Hasimah Ismail^{1*}, Dayang Nur Amirah Awang Halifah², Mardzelah Makhsin³

¹ Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Email: mazfaniy@uum.edu.my

² Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Email: dayangnuramirahh@gmail.com

³ Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Email: nor_uum@yahoo.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 25.04.2022

Revised date: 20.05.2022

Accepted date: 25.06.2022

Published date: 30.06.2022

To cite this document:

Ismail, N. H., Halifah, D. N. A. A., & Makhsin, M. (2022). Faktor Masalah Sosial Dalam Kalangan Pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (46), 674-685.

DOI: 10.35631/IJEPC.746051

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian ini dilaksanakan untuk meneroka pengaruh faktor masalah sosial terhadap mahasiswa. Hal ini kerana pengaruh faktor sosial merupakan perkara penting yang dapat membentuk masa hadapan remaja. Dalam kajian ini mempunyai tiga skop utama iaitu mengenalpasti faktor latar belakang diri sendiri yang terpengaruh dalam masalah sosial, menjelaskan faktor ibu bapa dalam mempengaruhi masalah sosial remaja dan menghuraikan bentuk faktor rakan sebaya yang mempengaruhi dalam masalah sosial. Metodologi kajian ini adalah kualitatif yang menggunakan kaedah temubual. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa terdapat pengaruh persekitaran sosial terhadap pembentukan akhlak remaja. Dapat disimpulkan bahawa pengaruh persekitaran sosial memang memberi kesan yang ketara terhadap remaja. Kajian ini diharapkan dapat memberi input yang baharu bagi pihak sekolah, ibu bapa, rakan sebaya mahupun terhadap diri remaja sendiri dalam membentuk tingkah laku yang positif.

Kata Kunci:

Remaja, Rakan Sebaya, Ibu Bapa, Pengaruh, Persekitaran Sosial, Masalah Sosial

Abstract:

This study was conducted to examine the influence of social problem factors on students. This is because the influence of social factors is an important thing that can shape the future of youth. In this study, the study has three main scopes which are identifying the factors of self-influenced background in social

problems, explaining parental factors in influencing the social problems of adolescents and elaborating on the forms of peer factors that influence in social problems. The methodology of the study is qualitative using the interview method. The results from this study show that there is an influence of the social environment on the formation of adolescent morality. It can be concluded that the influence of the social environment does have a significant impact on adolescents. The study is expected to provide new input on behalf of schools, parents, peers and teens themselves in shaping positive behaviours.

Keywords:

Adolescents, Peers, Parents, Influence, Social Environment, Social Problems

Pengenalan

Remaja yang dianggap sebagai harapan negara ditentukan dari personaliti diri sendiri yang seimbang dari segi emosi, intelek, jasmani dan spiritual berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Keadaan dahulu dengan sekarang amat berbeza kerana golongan belia yang terlibat dengan kes-kes jenayah yang membimbangkan hanya sedikit berbanding sekarang yang semakin meningkat secara mendadak. Terdapat pelbagai faktor terjadinya masalah sosial pada masa kini. Namun, punca utama kepada masalah sosial yang terjadi adalah disebabkan faktor dalaman diri remaja sendiri dan pengaruh rakan sebaya. Keperluan terhadap pembentukan sahsiah akhlak dan moral remaja pada masa kini semakin merisaukan ekoran timbulnya masalah sosial selari dengan perkembangan kepesatan kemajuan dunia.

Menurut Sigelman dan Rider (2002), kehidupan pelajar dan mahasiswa institusi pengajian tinggi memerlukan remaja hidup berdikari sekali gus membuat keputusan dalam hidup bersendirian, antaranya ialah memilih rakan. Ini menyebabkan remaja perlu bijak dalam membuat keputusan dan berdikari serta menyesuaikan diri dengan persekitaran baru. Oleh itu, pemilihan dalam rakan sebaya yang baik adalah sangat penting kerana rakan sebaya adalah individu yang lebih banyak meluangkan masa bersama-sama mereka tanpa pengawasan ibu bapa. Sekiranya mereka tersilap memilih rakan, dikhuatiri remaja turut terlibat dalam masalah yang tidak diinginkan.

Masalah sosial seperti penyalahgunaan dadah semakin berleluasa dalam kalangan remaja kerana ianya boleh mendatangkan pelbagai penyakit seperti masalah kesihatan kronik, perjudian, pelacuran, lepak, rogol dan banyak lagi. Hal ini memberi impak yang negatif dalam negara yang sedang membangun kerana keperluan untuk membantu mengeluarkan remaja daripada masalah ini memakan kos yang tinggi. Masalah sosial seperti ini amat mencabar kerana melibatkan bidang kesihatan untuk tampil serta membantu. Kesan terlibat dalam masalah sosial bukan sahaja memberi impak kepada remaja malah kepada ibu bapa dan masyarakat. Stigma masyarakat yang beranggapan bahawa remaja yang terlibat dalam masalah sosial berasa terancam dengan kehadiran pelaku. Masalah ini amat berat kerana boleh memusnahkan diri remaja yang terlibat, ibu bapa, masyarakat yang menjurus kepada ketidakamanan, menjejaskan keharmonian serta pembangunan negara pada masa kini.

Remaja sering terpengaruh dengan hubungan sosial yang berada disekeliling mereka. Sifat ingin tahu yang tinggi membuatkan remaja bertingkah laku di luar jangkaan. Justeru, amat penting untuk remaja menjadi seorang yang berketrampilan tinggi dan kaya dengan ilmu

pengetahuan agar dapat memberi input yang berharga kepada masyarakat dan negara. Golongan remaja sebagai penerus generasi perlu dibimbing untuk pembinaan jati diri yang baik dari segi ilmu, mental, peribadi dan juga amal supaya menjadi insan yang unggul serta dinamik. Penguasaan terhadap semua bidang amat penting untuk membolehkan mereka berani mendepani cabaran-cabaran yang baru. Tanpa golongan remaja yang baik dari segi akhlaknya, negara ini tidak mungkin menjadi negara yang maju pada masa hadapan.

Statistik penagih dadah yang dikesan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) sepanjang 5 tahun (2016 hingga 2020), menunjukkan bahawa golongan remaja merupakan golongan yang mudah terjebak dengan penyalahgunaan dadah. Kes yang paling banyak dilakukan oleh remaja yang berumur antara 13 tahun sehingga 18 tahun dikesan pada tahun 2016 iaitu sebanyak 826 kes. Bilangan ini menurun kepada 694 kes pada tahun 2017. Sebanyak 550 kes yang dikesan pada 2018, 437 kes pada tahun 2019 dan 325 kes pada tahun 2020 (Laporan Dadah, AADK 2020). Walaupun kadar penurunan kes berlaku pada setiap tahun, masalah sosial ini perlu dipandang serius bagi mencegah tingkah laku remaja yang cenderung untuk mengambil dadah. Pengaruh rakan sebaya juga tidak lepas menjadi penyumbang kepada peningkatan masalah salah laku remaja yang semakin tinggi secara mendadak. Pengaruh rakan sebaya bukan sahaja dari segi personaliti, malah meliputi tingkah laku sosial, pengajaran dan pembelajaran, agama dan sebagainya.

Statistik Jenayah Malaysia 2021 memuatkan lapan statistik jenayah terpilih termasuklah jenayah dadah. Pada tahun 2020, bilangan penagih dadah menurun 20.8 peratus kepada 20,643 orang berbanding 26,080 orang pada 2019. Bilangan penagih dadah dilihat menurun di semua negeri kecuali Johor, Terengganu, W.P Kuala Lumpur dan Melaka. Negeri Johor (2,564 orang) direkodkan mempunyai bilangan tertinggi penagih dadah pada tahun 2020 diikuti Kedah (2,372 orang) dan Kelantan (2,271 orang).

Sorotan Karya

Kajian yang dijalankan oleh Azahar Che Latiff et al (2017) adalah mengenai penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja. Terdapat pelbagai kesan negatif terhadap remaja yang terlibat dalam kes ini seperti dari aspek perkembangan sosial, aspek keruntuhan akhlak dan juga moral. Pengkaji menjalankan kajian ini untuk mengkaji dan melihat sama ada ibubapa dan rakan sebaya termasuk dalam penyalahgunaan dadah di kalangan remaja. Kajian ini menggunakan borang soal selidik untuk mengumpul maklumat daripada 533 orang responden yang terdiri daripada remaja lelaki dan perempuan. Beliau menyentuh tentang faktor-faktor perapatan yang memungkinkan remaja mengambil dadah. Keputusan kajian beliau mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara perapatan rakan sebaya dengan penglibatan remaja dalam penyalahgunaan dadah.

Hasil hubungan ini adalah bersifat sangat lemah dan positif. Semakin tinggi skor perapatan rakan sebaya dengan remaja, maka semakin meningkat penyalahgunaan dadah. Konflik keluarga, hubungan interpersonal, rakan sebaya, penghargaan sendiri dan faktor budaya merupakan antara faktor penyalahgunaan dadah dalam golongan remaja (Azahar Che Latiff, 2017). Jelaslah bahawa terdapat pengaruh rakan sebaya dalam membentuk sahsiah atau personaliti remaja sama ada dari segi positif atau negatif. Menurut penulis lagi, akibat ketidakupayaan remaja dalam mengelakkan diri daripada pengaruh rakan sebaya merupakan punca tingkah laku penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja. Ini menunjukkan bahawa rakan sebaya mempunyai pengaruh yang besar secara negatif dan positif dalam penyalahgunaan dadah.

Rakan sebaya selalunya menggalakkan dan memperkenalkan bahan terlarang kepada remaja sehingga mengakibatkan remaja ketagihan dadah. Namun, jika remaja tidak menggunakan dadah maka rakan sebaya turut tidak mengambil dadah atau mereka tidak mempunyai rakan yang penagih dadah. Selain itu, kawasan tempat tinggal juga dapat mempengaruhi remaja untuk mengambil dadah kerana terdapat beberapa kawasan yang mempunyai kemudahan yang pelbagai (Azahar Che Latiff, 2017). Ini akan menyebabkan remaja mudah untuk mendapatkan bekalan dadah kerana kawasan yang mereka diami mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi serta kehidupan remaja yang bebas tanpa kawalan ibu bapa. Perapatan ibu bapa juga dapat menyebabkan penyalahgunaan dadah kerana tingkah laku yang bercampur sehingga mengelirukan remaja. Walaupun ibu bapa menginginkan yang terbaik untuk remaja sehingga ibu bapa memberikan sumber keselesaan dan rasa takut dalam masa yang sama kepada remaja. Akhirnya, remaja memilih untuk melibatkan diri dalam penyalahgunaan dadah.

Kajian daripada Abssha Atiah Abu Bakar & Mohd. Isa Hamzah (2019) turut mendapati bahawa faktor diri sendiri dan rakan sebaya berada pada tahap sederhana tinggi jika dibandingkan dengan faktor media massa dan ibu bapa yang berada pada tahap sederhana rendah dalam melakukan masalah sosial. Kajian yang menjalankan mengenai pengaruh rakan sebaya iaitu Maizatul (2007) adalah selari dengan kajian ini yang mana menunjukkan faktor luaran boleh mempengaruhi pembentukan sahsiah remaja. Remaja lebih terdedah kepada pengaruh rakan sebaya kerana mereka lebih selesa melakukan sesuatu secara berkumpulan berbanding bersendirian. Remaja lebih gemar menjadikan rakan sebaya sebagai tempat untuk meluahkan perasaan dan masalah mereka.

Dalam kajian ini juga menekankan tentang faktor dalaman remaja yang suka meneroka sesuatu yang baru untuk mengetahui perkara tersebut tanpa mengira kebaikan dan keburukan terlebih dahulu. Menurut Fauziah et al (2012), remajalah yang membentuk akhlak dan sahsiah mereka sendiri sama ada dari aspek pendidikan dan keagamaan untuk diri sendiri. Remaja akan melakukan perkara yang positif sekiranya jati diri mereka utuh dan tidak mudah terpengaruh dengan hasutan rakan sebaya. Sebaliknya, jika tingkah laku remaja sememangnya kurang baik, maka mereka lebih mudah terpengaruh dengan perbuatan yang negatif lalu terjadinya penyimpangan akhlak yang dapat melanggar norma dalam masyarakat (Zanariah et al. 2016).

Disamping itu, Abssha Atiah Abu Bakar dan Mohd. Isa Hamzah (2019) mendapati bahawa media massa juga dapat mempengaruhi remaja kerana banyak memaparkan adegan hubungan perempuan dan lelaki. Filem dan drama yang tidak mempedulikan dari aspek aurat dapat menimbulkan masalah pergaulan bebas, hamil luar nikah, seks bebas dan sebagainya. Menurut Ab.Halim dan Zarin (2009), remaja kini lebih gemar menonton filem yang berunsurkan seks sehingga dapat meruntuhkan akhlak remaja. Namun, ibu bapa juga menjadi pengaruh dalam membentuk sahsiah remaja kerana ibu bapa jarang berkomunikasi dengan anak mereka. Komunikasi antara ibu bapa dan remaja amat penting untuk mengelakkan remaja terjebak dalam masalah sosial (Holman & Koenig Kellas, 2018). Oleh itu, hasil dapatan kajian ini mendapati terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek faktor diri sendiri dan faktor media massa.

Kajian daripada Nor Azri (2016), mengenai faktor-faktor persekitaran sosial yang mempengaruhi berlakunya penyalahgunaan bahan dalam kalangan remaja. Antara faktor yang dapat dikenalpasti dalam kajian ini ialah faktor individu, keluarga dan persekitaran sosial yang boleh mempengaruhi sikap dan tingkahlaku remaja. Pengkaji ingin memastikan faktor manakah yang paling dominan terhadap masalah sosial ini. Hasil dapatan kajian pengkaji dari

segi faktor diri sendiri menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap penghargaan sendiri, semakin baik kesihatan mental remaja. Tingkah laku devian, emosi yang tidak stabil dan tahap kesihatan yang rendah berpunca daripada penghargaan sendiri (Daane, 2003). Kim dan Chung (2007) mengkaji bahawa penghargaan sendiri yang tinggi mempunyai hubungan secara positif dengan kejayaan remaja dalam akademik.


Statistik jenayah siber menunjukkan bilangan kes aduan yang diterima oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) pada 2020 meningkat 99.5 peratus kepada 20,805 aduan (2019: 10,426). Antara aduan yang diterima adalah elemen lucu, palsu, jelik, sumbang dan mengancam. Kesemua elemen aduan mencatatkan peningkatan pada 2020. Peningkatan aduan tertinggi adalah bagi elemen palsu iaitu 117.6 peratus (2020: 6,637; 2019: 3,050). (https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5_Gallery/2_Media/4_Stats%40media/4-Press_Statement/2021/11%20Nov/JENAYAH%2C%20MALAYSIA%2C%202021.pdf)

Selain itu, permasalahan diri remaja turut menjadi penyumbang dalam peningkatan masalah sosial ini. Didapati bahawa tahap permasalahan diri responden bermula dari tahap rendah hingga ke tahap sederhana. Peranan ibu bapa juga penting dalam mempengaruhi perilaku remaja. Untuk mengurangkan pengaruh rakan sebaya yang mendorong remaja dalam penyalahgunaan bahan, ibu bapa boleh mengurangkan pengaruh tersebut dengan menetapkan serta membataskan pergaulan anak-anak dengan rakan sebaya (Shecker, 2000). Tekanan dalam hidup remaja seperti masalah kewangan, kematian ahli keluarga, ahli keluarga terlibat dalam penyalahgunaan bahan merupakan elemen yang diramal boleh menyebabkan tingkah laku tersebut

Metodologi Kajian

Teori pembelajaran sosial Bandura digunakan dalam kajian ini untuk mengetahui faktor diri sendiri, ibu bapa dan rakan sebaya dengan menghuraikan secara jelas perkaitan antara tingkah laku remaja dalam masalah sosial. Oleh itu, teori ini merupakan teori yang sangat sesuai untuk digunakan dalam memahami remaja dari aspek tingkah laku mereka. Kini, generasi muda memandang enteng terhadap penanaman nilai moral dan akhlak dalam diri mereka sehingga mengakibatkan golongan remaja mudah terjerumus dalam kancap keruntuhan akhlak (Norsahida Sakira et al, 2021). Pelajar yang melalui zaman remaja mengalami perubahan emosi dan fizikal serta berdepan dengan pelbagai cabaran membuatkan mereka mencari gaya penampilan mereka. Peralihan dari zaman remaja ke zaman dewasa memerlukan mereka menyesuaikan diri dengan orang sekelilingnya seperti orang dewasa, perlu memenuhi harapan komuniti dan ketidakupayaan untuk melihat realiti (Fatimah, 2007). Remaja masih keliru dan tidak memahami tanggungjawab dan peranan mereka untuk mencapai harapan dan kehendak keluarga serta masyarakat. Remaja yang menganggap diri mereka telah dewasa sering membuat keputusan yang tidak tepat disebabkan mereka belum mempunyai pengalaman dan ilmu yang cukup.

Kerangka Teoritikal Kajian



Rajah menunjukkan Kerangka Teoritikal Kajian (Adaptasi dari Haseena Banu, 2016, Pengaruh Persekitaran Sosial Terhadap Tingkah Laku Disiplin Murid Sekolah Rendah di Klang, Selangor, Malaysia.)

Teori dalam kajian kualitatif terbentuk menerusi proses analisis dan sintesis data. Penyelidikan yang menggunakan teori dapat membantu pengkaji mengenalpasti dan membantu dalam membuat penjelasan berdasarkan teori dalam skop secara menyeluruh tentang fenomena yang ingin dikaji (Merriam, 1998). Penyelidikan yang menggunakan kaedah kualitatif menjana teori secara konstruktif dan menjelaskan realiti yang dihadapi. Tanpa teori, penyelidikan yang dijalankan tidak bermakna kerana teori memberi gambaran dan membekalkan konteks dalam sesuatu kajian. Penyelidikan dijalankan bagi menguji teori yang bersesuaian dengan konteks yang ingin dikaji. Hal ini menunjukkan bahawa penyelidikan dan teori adalah suatu kemestian antara satu sama lain.

Kajian ini berbentuk deskriptif dengan menggunakan kaedah temubual untuk mendapatkan maklumat. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui maklumat pengaruh faktor diri sendiri, ibu bapa dan rakan sebaya terhadap masalah sosial dalam kalangan remaja di Universiti Utara Malaysia. Kaedah temubual yang dijalankan terhadap lima orang mahasiswa tahun pertama Universiti Utara Malaysia akan dianalisa untuk mendapatkan pandangan dan pendapat mereka mengenai pengaruh masalah sosial.

Dapatan Kajian

Melalui tinjauan yang dibuat oleh dalam temu bual, terdapat mahasiswa yang pernah terlibat dalam masalah sosial seperti ponteng sekolah, bergaduh, buli dan merokok. Perbuatan ini bukan sahaja mendatangkan pelbagai kemudahan terhadap diri sendiri malah terhadap individu lain juga. Terdapat remaja yang merakam diri atau rakan mereka melakukan masalah sosial kemudian memuatnaik video tersebut ke dalam media sosial untuk mendapatkan pujian daripada orang lain. Remaja berasa hebat apabila melakukan perbuatan yang negatif kerana mereka merasakan diri mereka telah menjadi dewasa. Namun begitu, perbuatan negatif yang

mereka tularkan untuk ditunjukkan ke seluruh dunia membuat mereka dikecam oleh netizen. Akhirnya, mereka mendapat perhatian daripada orang ramai tidak terkecuali pihak polis.

Tidak dinafikan remaja sentiasa mempunyai perasaan ingin mencuba dan meneroka sesuatu perkara yang baru. Perkara ini tidak menjadi masalah jika perasaan ingin mencuba sesuatu yang baru dalam tujuan hidup yang baik seperti membantu ibu bapa, menyambung pelajaran, berdikari dan sebagainya. Namun, perasaan ini selalunya disalahgunakan sehingga menjadi punca kepada teretusnya masalah sosial dalam kalangan remaja.

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, responden mengaku pernah melakukan gejala sosial seperti ponteng sekolah. Ponteng merupakan satu perbuatan salah laku yang melanggar peraturan sekolah. Pelajar yang tidak hadir ke sekolah tanpa sebab pada hari persekolahan akan dianggap sebagai ponteng. Masalah ini semakin menjadi-jadi sehingga ke peringkat yang sangat serius. Perkara ini melahirkan kerisauan guru terhadap ketidakhadiran pelajar kerana ianya boleh mengganggu proses pembelajaran. Pandemik Covid-19 telah mengubah cara pengajaran dan pembelajaran melalui media sosial. Namun, tidak semua para pelajar mampu untuk membeli data internet atau wifi malah ada yang tidak mempunyai telefon pintar untuk mengikuti kelas secara maya. Capaian internet yang terlalu lemah turut menjadi salah satu faktor pelajar ponteng kelas. Terdapat pelajar yang perlu keluar dari rumah untuk mencari capaian internet yang baik. Oleh itu, faktor sosioekonomi memainkan peranan yang besar kerana ketidakhadiran pelajar boleh membawa kepada keciciran.

Selain itu, masalah sosial seperti pergaduhan juga sering berlaku disekolah. Pergaduhan sering terjadi akibat daripada ketidakpuasan hati, ejek-mengejek dan sebagainya. Remaja kini sering memuatnaik video pergaduhan mereka di media sosial seperti *youtube*, *Instagram*, *facebook*, *twitter* dan sebagainya untuk menunjukkan rasa hebat mereka. Namun, keadaan ini semakin berpanjangan akibat campur tangan daripada masyarakat dan pihak polis dalam menyelesaikan kes pergaduhan ini. Pergaduhan merupakan jenayah kerana pelaku sengaja menyebabkan kecederaan seperti memukul. Perkara ini bukan sahaja memburukkan nama sendiri, malah memburukkan nama sekolah di mata masyarakat awam. Orang awam akan beranggapan bahawa sekolah tidak mampu mengurus para pelajarnya sehingga menimbulkan perselisihan faham. Lebih teruk lagi, kematian boleh terjadi akibat daripada kecederaan tersebut. Terdapat kes gaduh yang berlaku akibat daripada mangsa yang pernah memukul kepala dan memerli suspek sebagai anak luar nikah. Ini menyebabkan pelajar tersebut tidak berpuas hati dan mengajak mangsa bergaduh di luar sekolah pada hari yang sama.

Perbincangan Kajian

Faktor Diri Sendiri yang Menyebabkan Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial

Persoalan kajian yang pertama adalah tentang masalah sosial yang terjadi akibat daripada kehendak diri remaja sendiri. Hasil dapatan analisis daripada temu bual mendapati bahawa responden pernah terlibat dalam masalah sosial dan lebih suka meluangkan masa di luar rumah. Hal ini kerana, terdapat beberapa responden yang pernah terlibat dalam masalah sosial seperti ponteng sekolah, membuli, bergaduh dan sebagainya. Namun, responden tetap tidak mengabaikan ajaran agama. Responden juga lebih suka berada di rumah berbanding di luar rumah.

Tengku Elmi Azlina et al. (2015) mendapati bahawa faktor dalaman diri sendiri adalah punca terhadap berlakunya gejala sosial sehingga mengakibatkan tekanan emosi dalam diri remaja yang tidak mendapat bimbingan untuk menghadapi rintangan alam remaja. Oleh itu, remaja akan cenderung melakukan kegiatan yang menyalahi etika dan moral sekali gus meruntuhkan akhlak mereka. Kajian dari Zainudin dan Norazmah (2011) mendapati bahawa faktor diri sendiri merupakan faktor yang paling mempengaruhi remaja untuk terlibat dalam masalah sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka berbanding pengaruh rakan sebaya dan permasalahan persekitaran sekolah.

Menurut Fauziah et. al (2012) remaja membentuk akhlak mereka sendiri melalui dari aspek pendidikan serta penghayatan agama. Jati diri remaja yang utuh akan mendorong remaja untuk berbuat sesuatu yang baik, namun jika sifat mereka adalah kurang baik, maka mereka akan cenderung untuk melanggar norma dalam masyarakat dengan melakukan perbuatan negatif (Zanariah et al. 2016).

Faktor Ibu Bapa yang Mempengaruhi Penglibatan Remaja Dalam Masalah Sosial

Persoalan kajian kedua adalah mengenai faktor ibu bapa yang mempengaruhi remaja untuk terlibat dalam masalah sosial. Semua ibu bapa pasti inginkan yang terbaik kepada anak-anak mereka. Oleh itu, ibu bapa perlu memainkan peranan yang penting bagi membimbing remaja dalam setiap hal yang mereka lakukan. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa faktor ibu bapa yang bercerai, mempunyai konflik, sibuk bekerja, kurang berkomunikasi dengan anak boleh mempengaruhi penglibatan remaja dalam masalah sosial. Hal ini kerana, terdapat ibu bapa responden yang sangat mengambil berat terhadap anaknya namun terdapat juga responden yang diabaikan oleh ibu bapanya.

Responden yang berasal daripada ibu bapa yang bercerai menghadapi masalah emosi seperti kemurungan. Hasil kajian daripada Zuria et al (2011) mendapati bahawa kesan perubahan terhadap remaja selepas perceraian ibu bapa telah menyumbang kepada tekanan dan kemurungan. Constancer (2007) menjalankan kajian yang mana menunjukkan walaupun ibu bapa telah bercerai selama 20 tahun lalu, ianya masih memberi tekanan kepada remaja sehingga mengganggu proses perkembangan ke peringkat dewasa dari alam remaja. Jelaslah bahawa perceraian ibu bapa boleh mempengaruhi masa hadapan remaja. Berdasarkan Teori Ekologi Manusia oleh Bronfenbrenner (1989), tingkah laku kanak-kanak pada peringkat mikro, meso dan makro dipengaruhi oleh perceraian ibu bapa. Konflik yang berlaku antara ibu bapa sehingga membawa kepada perceraian turut mempengaruhi emosi remaja. Kajian daripada Zainudin Sharif dan Norazmah (2011) menyokong bahawa ibu bapa yang bertengkar menyebabkan suasana kurang akan akan mendorong remaja untuk terlibat dalam masalah sosial. Kesan perceraian boleh memberi impak terhadap proses pembentukan personaliti sekali gus perkembangan tingkah laku kanak-kanak sehingga tahap dewasa.

Pada zaman yang serba moden ini, semua orang sibuk mengejar kerjaya masing-masing tidak terkecuali ibu yang sering dianggap sebagai suri rumah. Ibu bapa yang seringkali sibuk dengan kerjaya sehingga lewat pulang ke rumah menyebabkan mereka tidak berpeluang untuk menghabiskan masa bersama anak-anak mereka. Hal ini akan membawa implikasi yang buruk terhadap remaja kerana menganggap bahawa ibu bapa tidak mengambil peduli tentang mereka. Menurut Zainudin Sharif dan Norazmah (2011), ibu bapa yang sibuk bekerja dapat mempengaruhi penglibatan remaja dalam masalah sosial. Remaja akan mula mencari kasih sayang di luar rumah dengan bergaul dengan rakan yang belum tentu memberi contoh yang

baik. Tidak salah jika kedua ibu bapa keluar bekerja tetapi anak-anak tidak seharusnya diabaikan. Kualiti masa bersama anak-anak juga perlu diutamakan.

Peranan ibu bapa adalah sangat penting dalam memberikan remaja perhatian yang baik terhadap mereka dengan memperhatikan gerak-geri remaja. Ibu bapa wajar mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh remaja dengan cara meluangkan masa bersama anak-anak bagi mengatasi masalah yang mereka hadapi. Zainudin Sharif dan Norazmah (2011) berpendapat bahawa ibu bapa yang kurang berkomunikasi dengan remaja mengenai keperluan dan masalah yang dihadapi oleh mereka menyebabkan remaja terlibat dalam masalah sosial. Kurangnya komunikasi antara ibu bapa dan anak-anak menyebabkan hubungan mereka semakin renggang. Komunikasi yang tidak berkesan akan menyebabkan implikasi yang negatif terhadap keluarga serta tingkah laku remaja (Jackson, et al. (1998). Kemesraan antara keluarga akan menghilang sedikit demi sedikit akibat ketiadaan proses komunikasi. Oleh itu, remaja akan mencari jalan penyelesaian untuk mengisi kesepian mereka dengan bertemu dengan rakan dan mencari hiburan lain.

Faktor Rakan Sebaya yang Mempengaruhi Penglibatan Remaja Dalam Masalah Sosial

Perbincangan pada bahagian ini adalah untuk menjawab persoalan kajian yang terakhir iaitu penyelidik ingin mengetahui bentuk pengaruh rakan sebaya terhadap remaja dalam masalah sosial. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa rakan sebaya pernah mengajak remaja membuat aktiviti tidak bermoral, menjadi pendengar setia, sering meluangkan masa dengan remaja dan tidak berupaya menolak pengaruh rakan sebaya. Pengaruh rakan sebaya boleh mempengaruhi perubahan remaja sama ada dari cara berfikir, bercakap serta berfikir.

Rakan sebaya yang mempengaruhi secara negatif selalunya bertingkah laku bertentangan dengan norma masyarakat mahupun tuntutan agama. Apabila ingin melakukan perbuatan negatif, rakan sebaya akan mengajak remaja untuk turut serta. Remaja akan bersungguh-sungguh untuk bertingkah laku seperti yang dilakukan oleh kumpulan mereka. Biasanya, remaja akan membentuk kumpulan yang tersendiri dan membuat peraturan tertentu agar ahli kumpulan mematuhi. Biasanya, ahli kumpulan ini akan sentiasa menyokong antara satu sama lain dengan membalas perbuatan secara berkumpulan apabila salah seorang ahli mereka diganggu. Hal ini akan menimbulkan masalah disiplin seperti pergaduhan sehingga mengakibatkan kecederaan yang serius.

Menurut Santrock (2002), rakan sebaya merupakan seorang yang boleh dipercayai dan dianggap sebagai sumber informasi. Biasanya, persahabatan yang dibina mengambil masa yang agak lama untuk mewujudkan satu kepercayaan dan kefahaman yang sama. Remaja mula mencari rakan baik semasa berada di sekolah untuk berkongsi cerita dan masalah yang dihadapi. Apabila remaja sudah biasa dengan seseorang rakan, maka rakan itu akan dianggap sebagai ahli keluarga yang akan bersama-sama memahami dan meneroka diri masing-masing. Rakan juga merupakan tempat yang sentiasa membantu remaja semasa tertekan dan lebih dipercayai daripada keluarga masing-masing.

Walau bagaimanapun, remaja tidak mempunyai keupayaan untuk menolak pengaruh rakan sebaya demi menjaga hubungan baik dengan rakan. Keupayaan untuk menolak ajakan yang negatif merupakan satu kemahiran yang perlu dikuasai agar remaja sentiasa menjaga perilaku mereka. Kebanyakan remaja tidak tahu cara untuk berkata 'tidak' kepada rakan mereka sehingga sanggup mengikuti apa jua perilaku yang dilakukan. Hal ini kerana, remaja risau jika pendapat mereka bercanggah sehingga boleh membawa kepada pergaduhan. Keberanian

remaja untuk mengatakan ‘tidak’ atau tidak bersetuju perlu disuarakan agar rakan sebaya tidak berani untuk mendesak melakukan perkara yang bertentangan dengan undang-undang. Remaja sentiasa berasa tidak yakin terhadap diri sendiri dan lebih mudah mengalah terhadap tekanan rakan sebaya.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, masalah sosial dalam kalangan remaja merupakan satu isu yang sering hangat dibicarakan pada masa kini kerana remaja adalah pemimpin masa depan negara. Dorongan daripada persekitaran sosial mampu mempengaruhi dan membentuk perilaku remaja untuk melakukan perbuatan positif mahupun negatif. Antara faktor yang dikenal pasti terlibat dalam kajian ini adalah faktor diri sendiri, ibu bapa dan rakan sebaya. Kajian ini mendapati bahawa peningkatan masalah sosial dalam kalangan remaja adalah berpunca daripada salah satu faktor ini. Kajian ini perlu dijalankan bagi mencari penyelesaian yang efektif untuk membanteras penglibatan remaja dalam gejala sosial. Oleh itu, semua pihak perlu mengambil peranan agar dapat mengetahui dan mengambilkira faktor yang mempengaruhi remaja untuk terlibat dalam masalah sosial. Program yang bersesuaian perlu dirangka dan dijadikan sebagai panduan bagi melaksanakan program terhadap golongan remaja yang terjebak dalam masalah sosial sehingga dapat memusnahkan kesejahteraan negara.

Hasil bagi kajian ini diharapkan dapat membantu pihak berkepentingan untuk menangani masalah sosial melalui cara penggunaan pendekatan yang sesuai. Sehubungan dengan itu, remaja dapat membentuk sahsiah diri mereka agar tidak terjadi lagi masalah sosial dalam kalangan remaja. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa dua faktor iaitu diri sendiri dan rakan sebaya lebih dominan dalam mempengaruhi remaja bagi terlibat dalam masalah sosial. Kajian ini membuktikan bahawa remaja lebih terdedah kepada rakan sebaya disebabkan remaja cenderung untuk berada bersama kumpulan berbanding bersendirian dalam mengambil risiko.

Pelbagai pihak harus berganding bahu bekerjasama untuk menangani permasalahan remaja yang berlaku. Bak kata pepatah ‘remaja tiang negara’ Justeru para remaja juga akan menentukan maju atau mundur sesebuah negara. Sehubungan itu, golongan remaja perlu diberikan didikan yang sempurna. Hal ini penting agar tidak timbul sebarang permasalahan yang tidak diinginkan.

Rujukan

- Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail. (2009). Hubungan antara pegangan nilai moral dengan media massa: Tinjauan ke atas remaja Melayu luar bandar. *Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*.
- Abd. Rahim Abd. Rashid (2006). *Menangani Perkembangan dan Masalah Tingkah Laku Remaja Dalam Keluarga*. Universiti Malaya: Pusat Pembangunan Keluarga.
- Abdullah Nasih. (2000). *Pendidikan Anak-Anak Menurut Pandangan Islam*. Kuala Lumpur: JAKIM.
- Absha Atiah Abu Bakar & Mohd. Isa Hamzah. (2019). *Faktor Keterlibatan Remaja dengan Masalah Sosial*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). (2013). *Laporan Dadah Tahun 2020*. Kuala Lumpur. Percetakan Nasional Berhad.
- Azahar Che Latiff, Balan Rathakrishnan, Norhamidah Jarimal, Siti Noor Fazariah Suis & Surianti Lajuma. (2017). *Perkaitan antara Perapatan Ibubapa dan Rakan Sebaya dengan Penglibatan Remaja dalam Penyalahgunaan Dadah di Sabah*. *Southeast Asia Psychology Journal* Vol. 5. Universiti Utara Malaysia.

- Azizah Lebai Nordin. (2002). Masalah Disiplin di Kalangan Remaja. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Azizi Yahya & Jaafar Sidek Latif. (2005). Membentuk Identiti Remaja. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Bandura, A. (1973). Aggression: A social learning analysis. Prentice-hall.
- Bandura, A. (1977). Social Learning Theory. New Jersey: Prentice Hall.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2011). Research methods in education. London: Routledge.
- Constancer R. Ahrons. (2007). Family ties after divorce : long term implications for children. *Journal Family Process*, 46(1) : 53-65.
- Fatimah binti Ali. (2007). Masalah Sosial Pelajar dan Hubungannya dengan Kemosrosis Pembelajaran. Akademi Pengajian Islam, Nilam Puri, Universiti Malaya.
- Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon, Khadijah Alavi, Mohd Suhaimi Mohamad, Noremy Md Akhir dan Salina Nen. (2012). Memperkasakan Pengetahuan Agama dalam Kalangan Remaja Bermasalah Tingkah Laku: Ke Arah Pembentukan Akhlak Remaja Sejahtera. *Journal of Social Sciences and Humanities*.
- Holman, A., & Koenig Kellas, J. (2018). "Say something instead of nothing": Adolescents' perceptions of memorable conversations about sex-related topics with their parents. *Communication Monographs*.
- Jackson, S., Bijstra, J., Oostra, L. and Bosma, H. (1998). Adolescents' Perceptions of Communication with Parents Relative to Specific Aspects of Relationships with Parents and Personal Development. *Adolescence*. 21(3). 305-322.
- Mohd Azmi Abdul Hamid. (2019). Kembalikan Pendidikan Bersepadu. *Sinar Harian*, 18 Januari 2019.
- Nor Azri Ahmad (2016). Pengaruh Faktor Individu, Keluarga dan Persekitaran Sosial Terhadap Tingkah Laku Penyalahgunaan Bahan dalam Kalangan Remaja. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.
- Nor Wahida. (2017). Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Amalan Akidah Dalam Kalangan Pelajar Politeknik. *Journal of Humanities, Language, Culture and Business*.
- Norsahida Sakira Kirman, Mohammad Mujaheed Hassan, Farah Husna Anwar, Azlina Mohd Khir, Wan Munira Wan Jaafar. (2021). Faktor Sosialisasi dalam Mempengaruhi Tingkah Laku Individu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*.
- Santrock, J.W. (2002) *Life Span Development: Perkembangan Masa Hidup*. Edisi kelima. (terjemahan). Penerbit Erlangga. Jakarta.
- Shuhada Mansor. (2015). Statistik Moral Remaja Kita. *Harian Metro*, 11 Mac 2015.
- Sigelman & Rider. (2002). *Life-Span Human Development*. Wadsworth Publishing.
- Siti Fatimah Abdul Rahman. (1993). *Asas-asas masyarakat cemerlang*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Tengku Elmi Azlina Tengku Muda, Nor 'Adha binti Abdul Hamid, Azizah binti Mat Rashid, Norul Huda binti Bakar, Norashikin binti Azmi. 2015. War 08 Kesalahan Akhlak dan Perkaitannya dengan Faktor Kematangan, Kerohanian dan Kesedaran Kendiri Individu. *World Academic And Research Congress*: 69-80.
- Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan. (2011). Faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Universiti Teknologi Mara (Melaka). Universiti Teknologi Mara.
- Zanariah binti Dimon, Nurzatil Ismah binti Azizan, Nazneen binti Ismail, Sahlawati binti Abu Bakar dan Nurul Husna binti Mohd Jabar. (2016). Pemulihan Masalah Sosial Remaja

Menurut Kerangka Siasah Syariyyah: Tinjauan di Pusat Pemulihan Mais. Muzakarah Fiqh dan International Fiqh Conference:

Zuria Mahmud, Yee Pek Yunn, Rafidah Aziz, Amla Salleh & Salleh Amat. (2011). Counseling children of divorce. World Applied Sciences Journal (Learning Innovation and Intervention for Diverse Learners, Diperoleh pada Jun 13, 2022 https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5_Gallery/2_Media/4_Stats%40media/4Press_Statement/2021/11%20Nov/JENAYAH%2C%20MALAYSIA%2C%202021.pdf